



KURSUS PENJAGAAN DAN BIMBINGAN KANAK-KANAK KURANG UPAYA

anjakan

**Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia
(MAKPEM)**

**Institut Latihan MAKPEM,
No. 17, Jalan 1/48A,
Bandar Baru Sentul,
51000 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03 - 40447640/41
HP : 010 - 2354898
Fax : 03 - 40447705**

**E-mail :
makpem@gmail.com**

**Website :
<http://www.makpem.org.my>**

Matlamat Kursus

Untuk memberi pengetahuan, kefahaman dan kemahiran kepada para peserta dalam pelbagai aspek jagaan dan bimbingan kanak-kanak kurang upaya dan mewujudkan nilai dan sikap positif dalam jagaan dan bimbingan kanak-kanak tersebut.

Objektif Kursus

Pada akhir kursus peserta akan :-

- a) Memahami pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak berumur 0 - 18 tahun;
- b) Memahami masalah tingkahlaku kanak-kanak kurang upaya;
- c) Memberi sokongan dan dorongan untuk pertumbuhan dan perkembangan optimum;
- d) Mengenalpasti dan memberi sokongan untuk perkembangan mental dan fizikal;
- e) Mewujudkan kesedaran dan sikap positif terhadap kanak-kanak kurang upaya; dan
- f) Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti sesuai untuk kanak-kanak kurang upaya.

Kandungan Kursus

- a) Suaikenal dan Orientasi Kursus
- b) Pertumbuhan dan Perkembangan Kanak-kanak Berumur 0 - 18 Tahun.
- c) Makan dan Pemakanan Kanak-kanak Kurang Upaya.
- d) Kesihatan dan Keselamatan.
- e) Jabatan Kebajikan Masyarakat : Pendaftaran dan Perkhidmatan Bagi Kanak-kanak Kurang Upaya.
- f) Masalah Tingkahlaku Kanak-kanak Kurang Upaya.
- g) Pendidikan Khas.
- h) Rawatan Fisioterapi.
- i) Pemulihan Cara Kerja.
- j) Pemulihan Pertuturan.
- k) Peranan dan Fungsi Penyampai Khidmat Jagaan.
- l) Merancang dan Melaksanakan Aktiviti-aktiviti.
- m) Lawatan Sambil Belajar.
- n) Perbincangan Kumpulan : Penyediaan, Pembentangan Laporan Lawatan.
- o) Kajian Kes dan perbincangan.
- p) Penilaian Kursus oleh Peserta
- q) Rumusan dan Penutup.

Peserta

Peserta kursus adalah terdiri daripada Pegawai, kakitangan serta Sukarelawan Pertubuhan Kebajikan Sukarela, Kakitangan Institusi Kebajikan Kanak-kanak dan Remaja, Ahli Briged Kebajikan, Sukarelawan Pusat Aktiviti Kanak-kanak.

Jangkamasa Kursus

- i) Jangkamasa setiap kursus adalah lima (5) hari termasuk kuliah-kuliah waktu malam; sekiranya perlu.
- ii) Dipecahkan kepada Bahagian 1 (2 hari) dan Bahagian 2 (3 hari). Peserta yang sama mesti mengikuti kedua-dua bahagian dan sijil penyertaan hanya akan diberi pada pada hari terakhir Bahagian 2.

Sijil

Semua peserta yang telah berjaya mengikuti semua sesi kuliah dan latihan amali akan diberi sijil penyertaan oleh Institut Latihan MAKPEM.

Kemudahan

Kursus-kursus ini akan diadakan di Institut Latihan MAKPEM, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Kemudahan makan minum dan tempat tinggal di Asrama Institut Latihan adalah disediakan.

Yuran Pendaftaran

Tiada.